

10 JUL 2004

Hishammuddin-Razaleigh

TENGGU RAZALEIGH TIDAK HORMATI KEPUTUSAN MT, KATA HISHAMMUDDIN

KLUANG, 10 Julai (Bernama) -- Pergerakan Pemuda Umno menyifatkan Ketua Penaja Umno Bahagian Gua Musang Tengku Razaleigh Hamzah sebagai tidak menghormati keputusan Majlis Tertinggi (MT) Umno apabila menawarkan diri bertanding jawatan presiden pada pemilihan parti September ini.

Ketuanya Datuk Hishammuddin Tun Hussein berkata MT yang turut dianggotai oleh Tengku Razaleigh sebelum ini telah membuat keputusan sebulat suara agar jawatan presiden dan timbalan presiden tidak ditandingi.

"Semua anggota MT termasuk Tengku Razaleigh sendiri telah bersetuju dengan keputusan itu, jadi saya tidak memahami mengapa semalam beliau mengumumkan untuk bertanding jawatan presiden," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Hishammuddin yang juga Menteri Pelajaran sebelum itu telah merasmikan majlis penutupan Program Peningkatan Profesionalisme Guru Sekolah Kebangsaan Felda Daerah Kluang anjuran Felda Daerah Segamat dan Pejabat Pendidikan Kluang.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas pengumuman bekas naib presiden Umno Tengku Razaleigh yang menawarkan diri untuk bertanding jawatan presiden Umno.

Hishammuddin berkata alasan Tengku Razaleigh ingin bertanding bagi menghidupkan kembali amalan demokrasi di dalam Umno serta atas sokongan dari akar umbi juga tidak dapat diterima.

"Demokrasi memang diamalkan di dalam Umno dan ia mengikut acuan dan kehendak parti, jika pertandingan boleh menyebabkan parti berpecah belah maka apa gunanya pertandingan tersebut," katanya.

"Selain beliau juga tidak seharusnya menggunakan alasan sokongan akar umbi untuk bertanding bertanding jawatan presiden kerana kita semua tahu anggota Umno menyokong penuh kepimpinan Pak Lah (Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi)," katanya.

Mengenai pencalonan yang diterima oleh Datuk Mukhriz Tun Dr

Mahathir
dan Datuk Azimi Daim untuk bertanding jawatan naib ketua Pemuda,
Hishammuddin berkata pencalonan mereka membuktikan Pemuda Umno
bahagian
tidak terkongkong dengan keputusan yang yang dibuat oleh mana-mana
pihak.

"Ini membuktikan dakwaan bahawa Pergerakan Pemuda tidak
memberikan
anggotanya kebebasan untuk membuat pencalonan itu adalah tidak
berasas sama
sekali," kata beliau.

-- BERNAMA

MHI MOZ